



07 APR, 2021

Penjara Marang bakal pengeluar Mangga King

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Penjara Marang bakal pengeluar Mangga King

Marang: Penjara Marang dijangka menjadi pengeluar Mangga King yang terbesar di Terengganu dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Ketika ini tanah seluas 12.5 hektar di belakang penjara itu ditanam pokok berkenaan dan diangkat menjadi ladang buah.

Pengarah Penjara Marang, Penolong Kanan Komisioner Nik Robidin Ab Rahman berkata, pihaknya menyasarkan memperoleh jualan sehingga RM2 juta bagi tujuan buah pada tahun kelima kelak.

"Bagi fasa pertama, kami menanam 280 pokok, manakala fasa berikutnya akan diteruskan bergantung berasaskan anak pokok disum-

bang kerajaan negeri.

"Potensi kejayaan projek itu sangat besar, memandangkan ia dijalankan di bawah Program Latihan Kemahiran Penghuni Penjara Marang," katanya pada Majlis Perasmian Ladang Mangga King dan Lawatan Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim, semalam.

Turut hadir Pengarah Penjara Terengganu, Timbalan Komisioner Penjara Ahmad Saidi Hamzah dan Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian negeri Zulkefli Amin Mat Jusoh.

Selain pokok itu, Nik Robidin berkata, Penjara Marang

turut mengusahakan taman tembikai dan kangkung di tapak seluas 2.47 hektar berhampiran ladang sama, menerusi program sama.

"Penghuni penjara juga menjalani program penterakan ikan keli menerusi 20 kolam yang kini mempunyai 400,000 ikan itu.

"Semua ternakan dan tanaman diusahakan oleh penghuni yang mempunyai baki hukuman kurang setahun. Ia juga sebagai persediaan untuk mereka berdikari apabila keluar nanti," katanya yang memberitahu hasil produk adalah untuk makana kepada penghuni selain dijual kepada penduduk sekitar.



DR Azman Ibrahim menanam pokok Mangga King Terengganu sebagai gimik ketika perasmian ladang di belakang Penjara Marang.



07 APR, 2021

Penjara Marang bakal pengeluar Mangga King

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Marang: Penjara Marang dijangka menjadi pengeluar Mangga King yang terbesar di Terengganu dalam tempoh tiga tahun akan datang. Ketika ini tanah seluas 12.5 hektar di belakang penjara itu ditanam pokok berkenaan dan diangkat menjadi ladang buah. Pengarah Penjara Marang, Penolong Kanan Komisioner Nik Robidin Ab Rahman berkata, pihaknya menyasarkan memperoleh jualan sehingga RM2 juta bagi tuaian buah pada tahun kelima kelak.